

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 45

TARIKH : 5 APRIL 2019

HARI : JUMAAT

SENTIMEN : POSITIF

Wajib bayar hutang PTPTN – Mufti

KUALA NERUS 4 April - Peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) wajib melangsaikan setiap hutang mereka tanpa memberikan sebarang alasan semata-mata untuk mengelak pembayaran tersebut.

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri berkata, kegagalan peminjaman tabung berkenaan membayar hutang bakal menjelaskan peluang para pelajar lain untuk mendapatkan bantuan berkenaan selepas ini.

Katanya, sebagai umat Islam selama mana seseorang itu membuat sesuatu janji untuk membayar hutang maka hutang tersebut wajib dibayar walau dalam apa jua keadaan sekali pun berdasarkan kepada kemampuan masing-masing.

“Kita juga akan berkeluarga dan ada anak, cuba bayangkan anak kita satu masa minta PTPTN tetapi tidak dapat, macam mana keadaannya? Kita bayangkan juga bagaimana cucu kita tidak dapat PTPTN.

“Justeru sebagaimana Islam mengajar kita untuk membayar, maka sewajarnya kita bayar. Buatlah walaupun berdikit-dikit nescaya kesannya cukup besar dalam kehidupan kita insya-Allah,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Forum Pengurusan Hutang Efektif Menurut Perspektif Islam sempena Karnival Kewangan Terengganu di Tabung Haji (TH) Hotel & Convention Centre di sini hari ini.



ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI